

MENGHUBUNGKAN TRADISI DAN TEKNOLOGI DALAM REKA BENTUK INSTRUKSIONAL AKTIVITI PENGAJARAN PENDIDIKAN ISLAM DALAM TALIAN

BRIDGING TRADITION AND TECHNOLOGY IN THE INSTRUCTIONAL DESIGN OF ONLINE ISLAMIC EDUCATION ACTIVITIES

Fatin Nabilah Abdul Wahid^{1*}
Mahfuzah Mohammed Zabidi²

¹ Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA, 40450 Shah Alam, Selangor, Malaysia
(E-mail: afatinna@uitm.edu.my)

² Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA, 40450 Shah Alam, Selangor, Malaysia
(E-mail: mahfuzah3051@uitm.edu.my)

*Corresponding author: afatinna@uitm.edu.my

Article history

Received date : 19-7-2025
Revised date : 20-7-2025
Accepted date : 4-9-2025
Published date : 18-9-2025

To cite this document:

Abdul Wahid, F. N., & Mohammed Zabidi, M. (2025). Menghubungkan tradisi dan teknologi dalam reka bentuk instruksional aktiviti pengajaran pendidikan islam dalam talian. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)* 10 (76), 183 - 191.

Abstrak: Perkembangan teknologi digital telah mempercepatkan transformasi dalam Pendidikan Islam, khususnya selepas pandemik COVID-19 yang menjadikan pengajaran dalam talian sebagai norma baharu. Walaupun penggunaannya semakin meluas, isu kualiti aktiviti pengajaran masih tidak konsisten kerana ramai pendidik hanya memindahkan bahan tradisional ke medium digital tanpa mengambil kira prinsip pedagogi dalam talian. Kajian ini bertujuan mereka bentuk aktiviti pengajaran pendidikan islam dalam talian berdasarkan konsensus pakar. Seramai 15 orang pakar dipilih secara bertujuan dan terlibat dalam Perbincangan Kumpulan Berfokus (PKB). Instrumen yang digunakan berbentuk soal selidik berstruktur dengan kategori Diterima atau Ditolak serta ruang catatan justifikasi, dan data dianalisis secara deskriptif. Dapatan menunjukkan bahawa pakar sebulat suara menekankan empat elemen reka bentuk utama iaitu kefahaman, komunikasi, kolaborasi, dan rekaan. Aktiviti yang paling disokong termasuklah demonstrasi amali, micro-lecture berstruktur (3–5 minit), pembentangan poster digital, penulisan reflektif, bercerita, dan peta minda digital. Sebaliknya, aktiviti pasif seperti kuliah panjang tanpa interaksi, perbincangan spontan tanpa struktur, aktiviti fizikal penuh, serta penggunaan aplikasi hiburan tanpa kawalan ditolak kerana tidak sesuai dengan konteks pengajaran Islam. Kajian ini menegaskan bahawa aktiviti pengajaran Pendidikan Islam dalam talian perlu dirancang berasaskan reka bentuk instruksional yang berstruktur, interaktif, reflektif, kolaboratif, dan berpaksikan nilai, agar ia bukan sahaja menyampaikan ilmu, tetapi juga membentuk sahsiah serta kemahiran insaniah pelajar dalam era digital.

Kata Kunci: Aktiviti pengajaran, talian, Pendidikan Islam, reka bentuk instruksional, konsensus pakar, pembelajaran digital, PKB, MOOC

Abstract: *The advancement of digital technology has accelerated transformations in Islamic education, particularly after the COVID-19 pandemic, which established online learning as the new norm. Despite its increasing adoption, the quality of online teaching activities remains inconsistent, as many educators simply transfer traditional materials into digital platforms without adapting to online pedagogical principles. This study aims to design online Islamic education teaching activities based on expert consensus. A total of 15 experts were purposively selected and engaged in Focus Group Discussions (FGDs). The instrument consisted of a structured questionnaire with Accepted or Rejected categories and justification notes, while the data were analyzed descriptively. Findings revealed unanimous agreement on four key instructional design elements: understanding, communication, collaboration, and creation. The most strongly supported activities included practical demonstrations, structured micro-lectures (3–5 minutes), digital poster presentations, reflective writing, storytelling, and digital mind mapping. Conversely, passive activities such as long lectures without interaction, unstructured discussions, full physical activities, and uncontrolled use of entertainment applications were rejected due to their incompatibility with Islamic teaching contexts. In conclusion, this study highlights that online teaching activities for Islamic education must be designed with an instructional framework that is structured, interactive, reflective, collaborative, and value-driven, ensuring that online learning not only conveys knowledge but also cultivates students' character and essential soft skills in the digital era.*

Keywords: Online teaching activities, Islamic education, instructional design, expert consensus, digital learning, FGD, MOOC

Pengenalan

Perkembangan teknologi digital telah membawa transformasi besar dalam landskap pendidikan global, termasuk Pendidikan Islam. Pengajaran kini tidak lagi terbatas kepada bilik darjah fizikal, sebaliknya diperluas melalui Massive Open Online Courses (MOOCs), platform e-pembelajaran, dan aplikasi mudah alih yang memungkinkan akses ilmu tanpa sempadan (Ibrahim 2024; Lubis, 2022). Perubahan ini menjadi semakin mendesak selepas pandemik COVID-19, apabila institusi pendidikan di seluruh dunia terpaksa mengadaptasi pembelajaran maya sebagai norma baharu (Bozkurt et al., 2020). Transformasi ini bukan sahaja mengubah bentuk penyampaian ilmu, tetapi turut menuntut peranan guru sebagai fasilitator yang membimbing pelajar melalui aktiviti pengajaran yang lebih interaktif dan kontekstual, bukannya sekadar penyampai kandungan.

Walaupun penggunaan platform dalam talian bagi Pendidikan Islam semakin meluas, kualiti aktiviti pengajaran yang dilaksanakan masih tidak konsisten. Sebahagian guru dan pensyarah cenderung menyalin terus nota tradisional atau kuliah panjang ke medium digital tanpa mengadaptasi reka bentuk aktiviti mengikut prinsip pedagogi dalam talian (Sanusi, 2024; Abdullah, 2024; Rashed, 2020). Keadaan ini mengakibatkan pelajar mudah hilang tumpuan, kurang bermotivasi, serta gagal mencapai hasil pembelajaran yang dihasratkan (Dhawan, 2020; Bozkurt et al., 2020). Tambahan pula, ketiadaan garis panduan khusus berasaskan perspektif pakar Pendidikan Islam dan teknologi pendidikan menyebabkan aktiviti pengajaran dalam talian sering tidak interaktif, kurang berstruktur, dan tidak berjaya mengintegrasikan nilai Islam dengan teknologi moden (Aziz & Wahid, 2023; Ismail et al., 2024).

Kajian terkini turut menekankan bahawa keberkesanan pendidikan digital sangat bergantung kepada reka bentuk instruksional yang teliti serta pemilihan aktiviti pengajaran dan medium

multimedia yang sesuai, bukannya sekadar memindahkan kandungan konvensional ke dalam talian (Mayer, 2020; Monib et al., 2024; Silva et al., 2025). Oleh itu, kajian ini dijalankan untuk mengisi jurang tersebut dengan mengenal pasti elemen yang sesuai untuk mereka bentuk instruksional berasaskan konsensus pakar, agar aktiviti pengajaran dalam talian Pendidikan Islam dapat dilaksanakan secara lebih efektif, autentik, serta berimpak terhadap pembentukan ilmu, nilai, dan sahsiah pelajar.

Kajian Literatur

Pengajaran dalam Talian

Pengajaran dalam talian telah berkembang sebagai norma baharu dalam ekosistem pendidikan global, khususnya pasca pandemik COVID-19 yang mempercepatkan peralihan daripada bilik darjah fizikal kepada platform maya. Perubahan drastik ini membuka ruang kepada pembelajaran yang lebih fleksibel, inklusif, serta dapat diakses merentasi sempadan geografi. Sejumlah kajian antarabangsa melaporkan bahawa pengajaran dalam talian bukan sahaja berfungsi sebagai kesinambungan proses pendidikan, tetapi juga memperkukuh kapasiti institusi untuk mengarusperdanakan konsep pembelajaran sepanjang hayat (Bozkurt et al., 2020; Dhawan, 2020; Jarrah, 2025). Walau bagaimanapun, keberkesanan mod ini tidak bergantung semata-mata kepada ketersediaan teknologi, sebaliknya kepada reka bentuk instruksional yang berstruktur, jelas, dan responsif terhadap konteks pembelajaran pelajar (Mailizar et al., 2025).

Dalam kerangka Pendidikan Islam, penggunaan platform digital menuntut reka bentuk instruksional yang bersifat dinamik dan lebih daripada sekadar pemindahan bahan tradisional ke medium atas talian. Reka bentuk tersebut perlu berlandaskan pendekatan yang eksplisit, berprinsip, serta berorientasikan nilai agar pengalaman pembelajaran dapat mengekalkan keautentikan, etika, dan impak yang diharapkan (Rodiatul Hasanah et al., 2025). Sehubungan itu, kerangka 7Cs Learning Design tampil sebagai panduan konseptual yang menekankan aspek *communicate*, *collaborate*, dan *create* sebagai asas pembangunan aktiviti pembelajaran yang terancang dan bermakna (El Vionna et al., 2022). Hal ini selari dengan dapatan Herlinawati (2024) yang menekankan bahawa integrasi kemahiran 4Cs perlu diterjemahkan dalam strategi pengajaran digital guru untuk memastikan pembelajaran relevan dengan keperluan abad ke-21. Selain itu, pemetaan reka bentuk instruksional dalam talian juga wajar sejajar dengan kompetensi abad ke-21.

Thornhill-Miller (2023) menegaskan bahawa pendidikan kontemporari perlu dibangunkan dengan penekanan kepada empat dimensi utama, iaitu komunikasi, kolaborasi, kreativiti, dan pemikiran kritikal (4Cs), yang menjadi asas kecekapan pelajar dalam persekitaran digital. Justeru, proses penciptaan bahan pengajaran perlu difahami bukan hanya sebagai produk akhir, tetapi sebagai ruang kolaboratif yang melibatkan interaksi aktif antara pendidik dan pelajar. Pendekatan ini turut disokong oleh Papageorgiou (2025) dan Assalihee (2024) yang menekankan kepentingan reka bentuk instruksional berasaskan kolaborasi untuk memperkukuh profesionalisme pendidik serta pengalaman pembelajaran. Dalam konteks Pendidikan Islam, strategi pengajaran digital yang sistematik melalui platform seperti Google Classroom dan YouTube telah dikenal pasti sebagai amalan terbaik untuk meningkatkan keberkesanan instruksional (Azman, 2025).

Aktiviti Pembelajaran dalam Talian

Aktiviti pembelajaran dalam talian perlu dirancang secara strategik agar dapat mengatasi cabaran jarak, masa, dan keterlibatan pelajar. Aktiviti yang bersifat interaktif terbukti lebih berkesan berbanding pendekatan pasif, kerana ia dapat meningkatkan motivasi, mengekalkan perhatian, serta memperkukuh pemahaman pelajar (Jarrah, 2025). Dalam konteks ini, penggunaan micro-lecture video dengan durasi pendek antara 3–6 minit semakin mendapat pengiktirafan kerana ia sesuai dengan corak perhatian pelajar digital masa kini dan membolehkan pengulangan sendiri (Mailizar et al., 2025). Dapatan ini selaras dengan kajian Gutiérrez-González et al. (2024) yang membuktikan bahawa pelajar lebih terlibat dengan video pendek berstruktur berbanding kuliah panjang tanpa interaksi.

Selain interaktiviti, aktiviti reflektif seperti penulisan jurnal, e-portfolio, atau tugasan reflektif digital penting dalam memupuk kesedaran sendiri dan metakognisi. Kajian Ismail et al. (2024) menunjukkan bahawa pelajar Pendidikan Islam lebih berupaya mengaitkan pengalaman peribadi dengan teori apabila diberi tugasan reflektif dalam talian. Pada masa yang sama, aktiviti kolaboratif seperti projek kumpulan maya, forum perbincangan, dan pembentangan digital dapat meningkatkan kemahiran insaniah dan komunikasi (Azman, 2025). Hal ini sejajar dengan penekanan 4Cs abad ke-21—komunikasi, kolaborasi, kreativiti, dan pemikiran kritis yang mesti diterjemahkan secara eksplisit dalam pengajaran digital (Thornhill-Miller, 2023).

Aktiviti berasaskan kreativiti digital seperti peta minda (Cooogle, Miro), pembentangan poster (Canva), serta simulasi atau *role play* maya (Plotagon, YouTube, TikTok beretika) juga semakin diiktiraf sebagai strategi instruksional yang efektif. Herlinawati (2024) menegaskan bahawa integrasi kreativiti melalui aktiviti digital menyokong pembangunan kompetensi pelajar yang lebih luas, termasuk aspek afektif dan nilai budaya. Dalam konteks Pendidikan Islam, pendekatan ini bukan sahaja menyampaikan ilmu, malah membolehkan pelajar menzahirkan kefahaman melalui ekspresi visual dan naratif yang autentik, selaras dengan pendekatan reka bentuk instruksional yang telus (El Vionna et al., 2022).

Walau bagaimanapun, tidak semua aktiviti sesuai dilaksanakan dalam talian. Aktiviti seperti kuliah panjang tanpa interaktiviti, ujian berformat panjang secara sinkronus, dan penilaian lisan berpanjangan didapati tidak efektif kerana meningkatkan tekanan, menurunkan fokus, dan terdedah kepada masalah teknikal (Gutiérrez-González et al., 2025). Assalihee (2024) menekankan bahawa pensyarah perlu beralih daripada amalan pengajaran tradisional ke arah reka bentuk instruksional yang lebih sistematik, berasaskan nilai, dan telus. Oleh itu, perancangan aktiviti pembelajaran dalam talian memerlukan keseimbangan antara struktur, interaksi, kreativiti, dan etika agar pengalaman pelajar benar-benar bermakna, berkesan, dan selari dengan misi Pendidikan Islam dalam era digital.

Metodologi

Kajian ini menggunakan teknik Perbincangan Kumpulan Berfokus (PKB) untuk mengumpulkan sekumpulan individu bagi membincangkan topik tertentu, yang bertujuan untuk berkongsi pengalaman, kepercayaan, persepsi dan pandangan terhadap sikap peserta melalui perbincangan (O. Nyumba et al., 2018). Seramai 15 orang pakar dalam bidang Pendidikan Islam, pedagogi, dan teknologi pendidikan dipilih secara bertujuan. Menurut Morgan (1997), kumpulan fokus yang dirancang dengan baik dan terdiri dari antara 6 hingga 12 orang peserta. Manakala, instrumen yang digunakan adalah berbentuk soal selidik berstruktur dengan kategori “Diterima” dan “Ditolak,” serta ruang catatan justifikasi. Terdapat 17 item yang dinilai. Data

perbincangan kemudiannya dianalisis secara deskriptif, dengan fokus kepada jumlah pakar yang bersetuju atau menolak setiap item.

Dapatan dan Perbincangan

Kajian ini memfokuskan kepada analisis Perbincangan Kumpulan Berfokus terhadap 15 orang pakar berhubung reka bentuk aktiviti pengajaran dalam talian untuk Pendidikan Islam, yang meliputi elemen reka bentuk dan juga aktiviti yang sesuai untuk dilaksanakan dalam pengajaran dan pembelajaran dalam talian. Dapatan ini bukan sahaja menggambarkan tahap penerimaan pakar terhadap komponen yang dicadangkan, malah memperlihatkan justifikasi praktikal dan pedagogi di sebaliknya. Hasil daripada perbincangan 15 orang pakar dari pelbagai bidang dipaparkan dalam Jadual 1.

Jadual 1: Elemen Reka Bentuk Aktiviti Pengajaran Pendidikan Islam Dalam Talian Menurut Pandangan Pakar

Item	Diterima	Ditolak	Catatan
i. Elemen reka bentuk			
Kefahaman	15	0	Elemen asas penting
Komunikasi	15	0	Interaksi 2 hala penting
Kolaborasi	15	0	Tingkatkan kemahiran insaniah
Rekaan	15	0	Menghasilkan produk pembelajaran
ii. Aktiviti			
Demonstrasi	15	0	Sesuai untuk amali ibadah; jelas memperlihatkan langkah praktikal (contoh: wuduk, solat)..
Micro-lecture berstruktur (3–5 minit, bab/chapters, caption)	15	0	Paling efektif; mudah difahami, fokus dan boleh diulang akses.
Pembentangan Poster (Canva / PowerPoint)	15	0	Menggalakkan kreativiti; sesuai untuk tugas individu/kumpulan menzahirkan kefahaman konsep.
Main Peranan (<i>role play</i>) (Plotagon / TikTok / YouTube)	15	0	Menarik untuk simulasi situasi dakwah & akhlak; perlu kawalan etika dan pemantauan penyarah.
Penulisan Jurnal	13	2	Membina refleksi sendiri; sesuai sebagai tugas berasaskan pengalaman pembelajaran.
Penulisan Reflektif	15	0	Menekankan aspek metakognitif; membantu pelajar menilai dan menzahirkan perubahan sikap.
Projek	13	2	Mendorong kolaborasi kumpulan; boleh berbentuk projek mini (video dakwah, e-buku ibadah).
Bercerita	15	0	Sesuai untuk konteks nilai, akhlak dan sirah; menggalakkan ekspresi kreatif pelajar.
Peta minda digital (Coogle, MindMeister)	15	0	Membantu pelajar menyusun idea; sesuai untuk topik akidah dan konsep abstrak.

Item	Diterima Ditolak		Catatan
Penggunaan aplikasi hiburan tanpa kawalan	3	12	TikTok tanpa garis etika→ berisiko mengganggu fokus dan nilai pengajaran.
Kuliah panjang tanpa interaksi (>30 minit)	1	14	Tidak sesuai; menyebabkan kebosanan & kehilangan fokus.
Perbincangan spontan tanpa struktur	2	13	Tidak berkesan; mudah menyimpang & sukar dikawal.
Aktiviti fizikal penuh (contoh: sukan, makmal)	0	15	Tidak praktikal dalam talian tanpa peralatan sebenar.

Berdasarkan Jadual 1, sebanyak 17 item yang merangkumi elemen reka bentuk serta aktiviti pengajaran Pendidikan Islam dalam talian telah dinilai oleh seramai 15 orang pakar. Hasil dapatan menunjukkan terdapat 4 klasifikasi yang boleh dibincangkan iaitu (i) elemen reka bentuk instruksional; (ii) aktiviti pengajaran yang disokong; (iii) aktiviti kolaboratif dan reflektif; dan (iv) aktiviti tidak sesuai dan perlu dikawal.

Elemen Reka Bentuk Instruksional

Kesemua 15 pakar sebulat suara menekankan bahawa empat elemen utama kefahaman, komunikasi, kolaborasi, dan rekaan merupakan asas dalam aktiviti pengajaran dalam talian Pendidikan Islam. Kefahaman menjadi elemen asas kerana ia memastikan penguasaan ilmu, manakala komunikasi dua hala dilihat penting bagi mewujudkan kehadiran sosial dalam talian. Elemen kolaborasi pula menyokong pembangunan kemahiran insaniah seperti kerjasama dan kepimpinan, sementara rekaan menekankan keperluan pelajar menghasilkan produk pembelajaran kreatif sebagai bukti penguasaan pengetahuan. Dapatan ini sejajar dengan kerangka 7Cs Learning Design yang menghubungkan *communicate*, *collaborate*, dan *create* dengan reka bentuk aktiviti pembelajaran (El Vionna et al., 2022), serta selaras dengan penekanan 4Cs abad ke-21 komunikasi, kolaborasi, kreativiti, dan pemikiran kritikal yang dianggap asas kompetensi pelajar digital (Thornhill-Miller, 2023; Herlinawati, 2024).

Aktiviti Pengajaran yang Disokong

Antara aktiviti yang mendapat persetujuan penuh ialah demonstrasi amali, micro-lecture berstruktur (3–5 minit), pembentangan poster digital, penulisan reflektif, bercerita, dan peta minda digital. Demonstrasi dipersetujui sebagai strategi terbaik untuk pengajaran ibadah seperti wuduk dan solat, kerana ia membolehkan pelajar mengikuti langkah praktikal secara visual, sejajar dengan dapatan Aziz & Wahid (2023). Micro-lecture berstruktur pula dianggap paling efektif kerana singkat, fokus, dan mudah diakses semula; kajian Gutiérrez-González et al. (2024) dan Mailizar et al. (2025) turut membuktikan bahawa video pendek berstruktur jauh lebih berkesan berbanding kuliah panjang pasif. Sementara itu, pembentangan poster digital dan peta minda menyokong kreativiti pelajar dalam memvisualisasikan konsep abstrak (Monib et al., 2024), manakala penulisan reflektif memberi ruang kepada pelajar menilai perubahan sikap dan kesedaran sendiri (Ismail et al., 2024). Aktiviti bercerita pula sangat sesuai untuk menyampaikan nilai akhlak dan sirah kerana ia menggalakkan ekspresi kreatif serta integrasi nilai Islam secara semula jadi.

Aktiviti Kolaboratif dan Reflektif

Aktiviti kolaboratif seperti projek kumpulan dan penulisan jurnal menerima majoriti sokongan (13 terima, 2 tolak), meskipun terdapat kebimbangan terhadap beban tugas dan cabaran pengurusan masa pelajar. Walau bagaimanapun, majoriti pakar tetap melihat aktiviti ini penting

kerana ia menyokong pembangunan refleksi sendiri, metakognisi, dan kerjasama kumpulan, selaras dengan dapatan Papageorgiou (2025) yang menekankan bahawa reka bentuk kolaboratif yang telus boleh meningkatkan keterlibatan pelajar tanpa menimbulkan beban berlebihan. Dalam konteks Pendidikan Islam, aktiviti projek seperti penghasilan video dakwah atau e-buku ibadah bukan sahaja menggalakkan kolaborasi, tetapi juga memberi peluang pelajar menzahirkan nilai Islam melalui produk kreatif (Assalihee, 2024).

Aktiviti Tidak Sesuai dan Perlu Dikawal

Dapatan turut menegaskan bahawa beberapa aktiviti tidak sesuai dilaksanakan dalam talian. Kuliah panjang tanpa interaksi (1 terima, 14 tolak) dinilai tidak berkesan kerana menyebabkan kebosanan dan penurunan fokus, seiring dengan dapatan Gutiérrez-González et al. (2025) yang melaporkan penurunan drastik penglibatan pelajar selepas 20–30 minit sesi pasif. Begitu juga, perbincangan spontan tanpa struktur (2 terima, 13 tolak) dan aktiviti fizikal penuh (0 terima, 15 tolak) dianggap tidak sesuai kerana mudah menyimpang serta tidak praktikal tanpa peralatan sebenar. Sementara itu, penggunaan aplikasi hiburan tanpa kawalan seperti TikTok (3 terima, 12 tolak) dinilai berisiko menjejaskan nilai Islam dan tumpuan pelajar. Walaupun begitu, sebahagian pakar mengakui bahawa aplikasi hiburan boleh dimanfaatkan jika digunakan dengan kawalan etika, selaras dengan pandangan Sanusi (2024) yang menegaskan pentingnya integrasi media sosial berasaskan garis panduan nilai Islam.

Kesimpulan

Keseluruhannya, konsensus 15 pakar menunjukkan bahawa Pengajaran Pendidikan Islam dalam talian perlu dibina dengan menekankan empat elemen asas reka bentuk, iaitu kefahaman, komunikasi, kolaborasi, dan rekaan. Aktiviti pengajaran dalam talian Pendidikan Islam yang berkesan adalah yang bersifat berstruktur, interaktif, reflektif, dan kolaboratif, dengan penekanan kepada demonstrasi, micro-lecture, penulisan reflektif, dan aktiviti kreatif digital. Sebaliknya, aktiviti pasif, panjang, dan tidak berstruktur jelas ditolak kerana gagal mengekalkan fokus dan motivasi pelajar. Oleh itu, reka bentuk aktiviti pengajaran dalam talian perlu dirancang berdasarkan prinsip pedagogi digital yang berpaksikan nilai, agar ia bukan sahaja menyampaikan ilmu tetapi turut membentuk sahsiah dan kemahiran insaniah pelajar dalam ekosistem pembelajaran abad ke-21. Bagi kajian lanjutan, penyelidikan empirikal disarankan untuk menilai keberkesanan aktiviti yang dicadangkan terhadap pencapaian akademik, motivasi, dan kesejahteraan pelajar. Kajian perbandingan juga boleh dilaksanakan merentasi pelbagai institusi pendidikan, tahap umur, serta latar budaya untuk menilai tahap keberkesanan reka bentuk dengan lebih menyeluruh. Di samping itu, pembangunan kerangka penilaian berasaskan analitik pembelajaran (learning analytics) dan integrasi teknologi baharu seperti kecerdasan buatan (AI) serta realiti maya turut dicadangkan bagi memperkukuh pengalaman pembelajaran Pendidikan Islam dalam talian pada masa hadapan.

Penghargaan

Kajian ini telah mendapat penajaan daripada RMC, MYRA-PHD 2023/2. No Rujukan PY/2023/01229, RD/85/014/2023. Penulis juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada ACIS UiTM Shah Alam kerana telah memudahkan bengkel penulisan dan penerbitan.

Rujukan

- Abdullah, M. (2024). *Innovative approaches in Islamic education: From traditional notes to online pedagogy*. Shah Alam: EduTech Publications
- Aziz, N., & Wahid, F. (2023). Teachers' readiness for digital Islamic education: A Malaysian perspective. *Malaysian Online Journal of Educational Technology*, 11(1), 34–48.
- Assalihee, J. J. (2024). Revitalizing Islamic education through enhanced lesson study: Impacts on teacher professionalism and student outcomes. *Education Sciences*, 14(9), 1029. <https://doi.org/10.3390/educsci14091029>
- Azman, A. (2025). Digital teaching strategies of Islamic education teachers in Malaysian primary schools. *International Journal of Learning, Teaching and Educational Research*, 24(2), 148–164. <https://www.ijlter.org/index.php/ijlter/article/view/12713>
- Bozkurt, A., Jung, I., Xiao, J., Vladimirsch, V., Schuwer, R., Egorov, G., ... & Paskevicius, M. (2020). A global outlook to the interruption of education due to COVID-19 pandemic: Navigating in a time of uncertainty and crisis. *Asian journal of distance education*, 15(1), 1-126.
- Dhawan, S. (2020). Online learning: A panacea in the time of COVID-19 crisis. *Journal of Educational Technology Systems*, 49(1), 5–22. <https://doi.org/10.1177/0047239520934018>
- El Vionna, H., Nugroho, S. E., & Sari, D. P. (2022). Applying the 7Cs learning design framework in online higher education: Enhancing communication, collaboration, and creativity. *Journal of Educational Technology & Online Learning*, 5(2), 112–126. <https://doi.org/10.31004/jetol.v5i2.1523>
- Gutiérrez-González, E., Torres, R., & Álvarez, J. (2024). Length of videos affects student engagement in flipped learning environments. *BMC Medical Education*, 24(62).
- Gutiérrez-González, E., Torres, R., & Álvarez, J. (2025). Short video lectures and embedded quizzes in flipped classrooms. *Medical Teacher*, 47(3), 215–227.
- Herlinawati, H. (2024). Teachers' strategies to integrate 4Cs skills in digital learning environments. *Heliyon*, 10(5), e25412. <https://doi.org/10.1016/j.heliyon.2024.e25412>
- Ibrahim, M. (2024). Islam in the digital infrastructure: the rise of Islamic cyber practices in Northern Nigeria. *Religion, State & Society*, 52(2-3), 114-132.
- Ismail, N., Rahman, M., & Abdullah, S. (2024). E-learning resources for Islamic education: Opportunities and challenges in Malaysia. *Journal of Educational Research and Practice*, 14(2), 77–92.
- Jarrah, A. (2025). Exploring student engagement in online learning during and after COVID-19: Evidence from higher education. *Humanities and Social Sciences Communications*, 12(1), 145. <https://doi.org/10.1057/s41599-025-04701-6>
- Lubis, M. A. (2022). *Lecturer's digital literacy ability in the pandemic*. *Cypriot Journal of Educational Sciences*, 17(4), 1130–1142. <https://doi.org/10.18844/cjes.v17i4.7122>
- Mailizar, M., Muthmainnah, I., & Lestari, D. (2025). Enhancing remedial learning outcomes using micro-lecture videos: The case of trigonometry. *Eurasia Journal of Mathematics, Science and Technology Education*, 21(2), em16173. <https://doi.org/10.29333/ejmste/16173>
- Mayer, R. E. (2020). *Multimedia learning* (3rd ed.). Cambridge University Press.
- Monib, W. K., et al. (2024). Microlearning beyond boundaries: A systematic review and bibliometric analysis. *Heliyon*, 10(4), e20999.
- Morgan, D. L. (1997). *Focus groups as qualitative research* (Vol. 16). Sage.
- O. Nyumba, T., Wilson, K., Derrick, C. J., & Mukherjee, N. (2018). The use of focus group discussion methodology: Insights from two decades of application in conservation. *Methods in Ecology and evolution*, 9(1), 20-32.

- Papageorgiou, E. (2025). Collaborative instructional design for online learning: Rethinking student and teacher roles in the digital era. *International Journal of Instructional Design and Technology*, 17(1), 45–60. <https://doi.org/10.4018/IJIDT.2025.01.004>
- Rashed, N. (2020). *E-learning adaptation and challenges in higher education*. *Journal of Online Learning and Teaching*, 16(2), 45–59.
- Rodiatul Hasanah, R., Mansor, A. Z., & Yusoff, N. H. (2025). Islamic education in digital learning environments: Toward ethical and value-based instructional design. *International Journal of Islamic and Middle Eastern Education Studies*, 14(1), 21–38. <https://doi.org/10.1108/IJIMES-01-2025-003>
- Thornhill-Miller, B. (2023). Designing education for 21st-century skills: Explicit strategies for building communication, collaboration, creativity, and critical thinking. *Frontiers in Education*, 8, 1122334. <https://doi.org/10.3389/educ.2023.1122334>.
- Sanusi, A. (2024). *Digital pedagogy and instructional redesign in online learning*. Kuala Lumpur: Academic Press
- Silva, E. S., Costa, W. P. D., Lima, J. C. D., & Ferreira, J. C. (2025). Contribution of microlearning in basic education: A systematic review. *Education Sciences*, 15(3), 302.